



POLISI DAN RANGKA KERJA PENDEDAHAN MAKLUMAT (*WHISTLEBLOWING POLICY AND FRAMEWORK*)

VERSI 1/2022

REKOD PINDAAN

[illegible]

1. TAJUK

Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat (*Whistleblowing Policy And Framework*).

2. OBJEKTIF POLISI

- 2.1 Memastikan nilai-nilai ketelusan, integriti dan akauntabiliti diamalkan di segenap operasi dan urusan LZS;
- 2.2 Memberi ruang dan peluang kepada mana-mana Pemberi Maklumat untuk membuat laporan mengenai kelakuan tidak wajar di LZS dengan sesegera mungkin secara bertanggungjawab dan mengikut proses yang ditetapkan tanpa kekhuatiran terhadap tindakan penganiayaan;
- 2.3 Memastikan keadilan kepada Pemberi Maklumat dan OYD; dan
- 2.4 Memastikan bahawa semua aduan atau laporan akan dikendalikan secara sulit dan disiasat secara bebas dan terperinci. LZS berhak mengambil tindakan untuk mengesahkan kebenaran sesuatu pendedahan maklumat yang diterima dari sumber yang tiada butiran Pemberi Maklumat, melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai sebelum tindakan selanjutnya diambil.

3. PEMAKAIAN POLISI

- 3.1 Polisi ini tergunapakai kepada ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah, ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga, ahli-ahli Pengurusan Tertinggi, warga kerja, pihak berkepentingan serta orang awam.
- 3.2 Pemberi Maklumat boleh membuat aduan mengenai sebarang bentuk kelakuan tidak wajar yang melibatkan mana-mana ahli Lembaga Pemegang Amanah, Pengurusan Tertinggi, warga kerja serta pihak berkepentingan. Sebarang siasatan hendaklah dilaksanakan tanpa ada sebarang kebimbangan atau pilih kasih terhadap OYD tanpa mengira tempoh perkhidmatan, kedudukan jawatan atau taraf hubungan dengan LZS.

4. DEFINISI

LZS	-	Lembaga Zakat Selangor (MAIS)
BRICC	-	Jawatankuasa Lembaga Risiko, Integriti dan Kepatuhan LZS (Board Risk, Integrity and Compliance Committee)
OYD	-	Orang Yang Dituduh
	-	Seseorang yang dilaporkan dan/atau disyaki melakukan kelakuan tidak wajar.
SPRM	-	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Unit Integriti	-	Unit Integriti, PERISAI

	-	Bertanggungjawab mengurus dan mengawal selia Polisi Pendedahan Maklumat serta menjalankan usaha kawalan dalaman serta menguruskan integriti di LZS.
Jawatankuasa Pemantau	-	Jawatankuasa Pemantau berperanan memberi nasihat, panduan dan/atau keputusan mengenai pengurusan aduan kelakuan tidak wajar di bawah polisi dan rangka kerja Pemberi Maklumat ini. Ia merangkumi penilaian awal aduan, pelaksanaan langkah-langkah perlindungan ke atas pemberi maklumat, penilaian ke atas hasil siasatan dan cadangan-cadangan tindakan selanjutnya.
Kelakuan tidak-wajar		Sebarang tindakan atau kelakuan yang boleh menyebabkan kemudaratan. Ia termasuklah, tetapi tidak terhad kepada kesalahan melanggar undangundang seperti penipuan dan rasuah, melanggar kod etika atau polisi LZS, kecuaian, buli, gangguan, diskriminasi, menyalahguna dana dan sumber, salahguna kuasa, konflik kepentingan, membazir atau kesalahan pengurusan (mismanagement). Ia juga merangkumi sebarang tindakan, yang mana jika terbukti, merupakan satu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah di bawah peraturan dan garis panduan yang digunapakai di LZS atau manamana undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa.
Kesalahan Tatatertib	-	Sebarang tindakan yang dilakukan oleh mana-mana warga kerja LZS yang menjadi suatu pelanggaran tatatertib di LZS sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang atau dalam suatu tatakelakuan, kod etika, peraturan, pekeliling atau suatu kontrak kerja, mengikut mana-mana yang berkenaan.
Lembaga Pemegang Amanah	-	Bermaksud ahli Lembaga Pemegang Amanah LZS atau ahli mana-mana Jawatankuasa Lembaga LZS yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Selangor ("MAIS").
Pemberi maklumat	-	Mana-mana individu, sama ada warga kerja LZS, pihak ketiga yang mempunyai kaitan dengan operasi LZS atau orang awam, yang membuat aduan berkaitan kesalahan yang disyaki telah, sedang atau akan berlaku di LZS.
Pengurusan tertinggi	-	Terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Korporat dan Projek Khas, Ketua Pegawai Kewangan serta Ketua-Ketua Divisyen di LZS.
Pihak Berkepentingan	-	Individu atau organisasi, samada dalaman atau luaran, yang memberi kesan atau dijangka akan terkesan dengan keputusan atau aktiviti LZS. Ia termasuklah, tetapi tidak terhad kepada Pemberi Maklumat, warga kerja yang dituduh, saksi, warga kerja LZS, pembekal, ejen-ejen yang dilantik, pihak ketiga, orang awam, media atau pihak pengawal selia (regulators).
Polisi	-	Merujuk kepada Polisi dan Rangka Kerja Pendedahan Maklumat

Rasuah	-	Sebarang bentuk tindakan dan kelakuan jenayah rasuah yang melanggar peruntukan undang-undang yang sedang dikuatkuasakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini termasuklah perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan-peruntukan berikut di dalam Akta SPRM 2009: - i. Seksyen 16 – Kesalahan meminta atau menerima suapan; ii. Seksyen 17 – Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen; iii. Seksyen 18 – Kesalahan dengan maksud untuk memperdaya prinsipal oleh ejen; dan iv. Seksyen 23 – Kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan untuk suapan.
Tindakan penganiayaan	-	Sebarang ancaman, samada secara langsung atau tidak langsung, yang boleh mengakibatkan kemudaratannya kepada Pemberi Maklumat atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan pendedahan maklumat.

5. RUJUKAN

- 5.1 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694)
- 5.2 Terma Pengurusan Sumber Manusia LZS
- 5.3 Polisi Pengurusan Aduan Pelanggan LZS
- 5.4 Prosedur Pengurusan Aduan Pelanggan LZS
- 5.5 Manual Sistem Pengurusan Anti-Rasuah LZS

6. PERNYATAAN POLISI

- 6.1 LZS adalah sebuah organisasi yang diberi amanah untuk menguruskan kutipan dan agihan Zakat di negeri Selangor dengan berpandukan kepada prinsip keadilan, kejujuran, keterbukaan, kesopanan, integriti dan menghormati. Lembaga Pemegang Amanah, Pengurusan Tertinggi LZS, warga kerja LZS dan pihak berkepentingan bertanggungjawab bersama dalam mencegah dan melaporkan sebarang bentuk kelakuan tidak wajar di LZS.
- 6.2 LZS menyediakan beberapa saluran aduan dan kaedah untuk Pemberi Maklumat membuat aduan atau laporan. LZS akan melindungi kerahsiaan dan tidak akan mendedahkan identiti dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat melainkan dikehendaki oleh prosiding perundangan atau bagi maksud apa-apa prosiding sewajarnya.
- 6.3 Aduan secara bertulis adalah digalakkan dihantar terus untuk memastikan pemahaman yang jelas tentang aduan yang dibangkitkan. Seandainya aduan melalui pos, ianya hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat dan dimeterai (sealed) dan dinyatakan perkataan "Sulit" pada sampul surat tersebut. Pemberi Maklumat boleh membuat aduan atau laporan mengenai aktiviti yang disyaki melalui saluran berikut: -
 - i. **Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Risiko, Integriti dan Kepatuhan** dengan menghantar surat (nyatakan "Sulit" pada sampul surat) ke alamat berikut: -

Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Risiko, Integriti dan Kepatuhan

Ibu Pejabat Lembaga Zakat Selangor,
Bangunan Zakat Selangor,
3-01-1, Presint ALAMi, Pusat Perniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Atau kepada:

- ii. **Ketua Unit Integriti** melalui: -
- a) Menghubungi di talian 03-8314 2783 (Isnin hingga Jumaat ketika waktu bekerja); atau
 - b) Perjumpaan di pejabat atau mana-mana tempat yang dipersetujui;
 - c) Laman sesawang LZS (Rujuk pautan Borang Hantar Laporan Atas Talian) dan dihantar kepada Unit Integriti LZS;
 - d) Emel rasmi aduan Unit Integriti LZS di aduintegriti@zakatselangor.com.my (emel yang dihantar ke alamat ini hanya boleh diakses oleh pegawai yang diberi kuasa serta Pengerusi BRICC); atau
 - e) Melalui surat (nyatakan "Sulit" pada sampul surat) ke alamat berikut: -

Ketua Unit Integriti Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Bangunan Zakat Selangor,
04-04-03, Blok 4, Presint ALAMi,
Pusat Peniagaan Worldwide 2,
Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

6.4 Pemberi Maklumat hendaklah mengemukakan maklumat serta bukti selengkap mungkin untuk memastikan siasatan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan adil. Maklumat-maklumat yang perlu disertakan ketika aduan dibuat adalah seperti berikut:-

- i. Butiran setiap OYD (nama, jawatan dan pusat tanggungjawab) yang disyaki terlibat dengan kelakuan tidak wajar;
- ii. Jenis kelakuan tidak wajar yang disyaki telah, sedang dan/atau akan dilakukan;
- iii. Tarikh dan masa kelakuan tidak wajar telah, sedang atau akan berlaku;
- iv. Tempat di mana kelakuan tidak wajar itu telah, sedang atau akan berlaku;
- v. Nama-nama mereka yang boleh menjadi saksi dan kaedah bagi LZS menghubungi mereka;
- vi. Dokumen, gambar, video, audio atau lain-lain bukti sokongan yang dapat membantu siasatan; dan

- vii. Lain-lain maklumat yang diketahui atau dipercayai telah, sedang atau akan berlaku yang dapat membantu siasatan.
- 6.5 Tujuan pemberian maklumat peribadi seperti nama dan nombor telefon atau alamat untuk dihubungi adalah bagi memastikan kelancaran proses pengesanan dan pengesahan aduan serta siasatan.
- 6.6 Aduan atau laporan yang diterima tanpa disertakan maklumat peribadi Pemberi Maklumat hanya akan dinilai dan diambil tindakan sekiranya butiran di dalam aduan dapat mengesahkan wujudnya elemen kelakuan tidak wajar. Maklumat aduan dan maklumat peribadi Pemberi Maklumat adalah diklasifikasikan sebagai maklumat sulit.

7. PERLINDUNGAN

- 7.1 Identiti Pemberi Maklumat termasuk jawatan, alamat tempat kerja, alamat kediaman dan lain-lain yang berkaitan akan dirahsiakan dan dilindungi di bawah Polisi ini.
- 7.2 Semua aduan kelakuan tidak wajar adalah diklasifikasikan sebagai SULIT. Kandungan laporan kelakuan tidak wajar tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak kecuali kepada pihak yang berhak untuk mengetahuinya seperti agensi penguatkuasa undang-undang, pasukan penyiasat, Jawatankuasa Pemantau yang berkenaan untuk tujuan siasatan, penilaian dan membuat keputusan. Identiti Pemberi Maklumat akan tetap dirahsiakan dan dilindungi serta tidak boleh didedahkan dalam apa-apa dokumen atau pernyataan.
- 7.3 Pemberi Maklumat adalah dilarang untuk mendedahkan apa-apa butiran laporan kelakuan tidak wajar yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain kecuali kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Kegagalan Pemberi Maklumat mematuhi larangan ini boleh menyebabkan kerahsiaan dan perlindungan kepada Pemberi Maklumat di bawah Polisi ini terbatal.
- 7.4 Pemberi Maklumat yang membuat laporan dengan niat suci hati akan dilindungi daripada apa-apa tindakan penganiayaan.
- 7.5 LZS memandang serius tentang tindakan yang boleh memudaratkan Pemberi Maklumat. LZS memberi jaminan perlindungan kepada Pemberi Maklumat terhadap tindakan yang mungkin dikenakan.
- 7.6 Sesiapa yang melakukan tindakan penganiayaan terhadap Pemberi Maklumat boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga ke tahap penamatan pekerjaan atau pemecatan atau dilaporkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang. Tindakan penganiayaan termasuklah: -
 - i. Menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
 - ii. Ugutan atau gangguan;
 - iii. Gangguan terhadap pekerjaan termasuk diskriminasi, penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, layanan buruk berhubung dengan pekerjaan, atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
 - iv. Ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan di atas.

- 7.7 Kerahsiaan dan perlindungan kepada Pemberi Maklumat tidak akan terjejas sekiranya laporan kelakuan tidak wajar yang dibuat itu tidak membawa kepada suatu tindakan tatatertib atau pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang.

8. PEMBATALAN PERLINDUNGAN

- 8.1 LZS tidak akan bertanggungjawab dalam melindungi kerahsiaan Pemberi Maklumat atau pendedahan maklumat sekiranya ia melibatkan maklumat palsu yang berniat jahat sehingga mendatangkan masalah atau fitnah kepada LZS serta menjejaskan keharmonian dan kepentingan LZS. Tindakan tegas boleh diambil terhadap Pemberi Maklumat sekiranya berterusan melakukan fitnah tersebut.
- 8.2 Perlindungan kepada Pemberi Maklumat akan terbatal sekiranya didapati laporan kelakuan tidak wajar yang dikemukakan adalah palsu, dengan berniat jahat atau berunsur fitnah. LZS memandang serius mengenai perkara ini dan tindakan tatatertib atau tindakan pengaduan kepada agensi penguatkuasa undang-undang boleh diambil ke atas Pemberi Maklumat.
- 8.3 Perlindungan juga akan terbatal dalam keadaan-keadaan berikut: -
- i. Pemberi Maklumat sendiri terlibat dalam melakukan kelakuan tidak wajar yang dilaporkan olehnya;
 - ii. Pemberi Maklumat membuat laporan kelakuan tidak wajar dengan motif untuk mengelak daripada ditamatkan perkhidmatan pekerjaan atau dikenakan tindakan tatatertib; dan/atau
 - iii. Sama ada sebelum atau selepas membuat laporan kelakuan tidak wajar, Pemberi Maklumat telah mendedahkan mana-mana butiran laporan itu kepada mana-mana pihak yang tidak berhak untuk mengetahuinya.